

22. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan penyakit berjangkit yang disebabkan oleh mikroorganisma?




23. Maklumat berikut menunjukkan gejala yang dihadapi oleh Valvet.

- Pening kepala
- Rasa letih dan lemah
- Cirit-birit dan muntah-muntah

Apakah penyakit yang dialami oleh Valvet?

- A Tuberkulosis
B Konjunktivitis
C Demam panas
D Keracunan makanan
24. Rajah 14 menunjukkan Ramesh menghadapi penyakit kurap.



Rajah 14

Apakah langkah yang perlu diambil oleh ahli keluarga Ramesh untuk mengelakkan diri daripada dijangkiti kurap?

- A Mengkuarantinkan Ramesh di dalam sebuah bilik
B Memakai topeng muka ketika berada berhampiran dengan Ramesh
C Mengelakkan diri daripada berkongsi peralatan peribadi dengan Ramesh
D Memastikan bilik tidur Ramesh berada dalam keadaan bersih dan kemas

25. Rajah 15 menunjukkan Asanah menghampiri Mei Lin yang menghadapi batuk yang teruk.



Rajah 15

Antara berikut, yang manakah menyebabkan Asanah mengalami selesema selepas dua hari?

- A Titisan air liur tersebar melalui sentuhan
B Titisan air liur tersebar melalui air semasa Mei Lin bersin
C Titisan air liur tersebar melalui udara semasa Mei Lin bersin
D Titisan air liur tersebar melalui perkongsian makanan
26. Antara amalan berikut, yang manakah boleh menyebabkan jangkitan penyakit berjangkit?
- A Memakan makanan yang terdedah
B Memakai penutup hidung dan mulut
C Menggunakan sabun antiseptik ketika mandi
D Membersihkan tangan dengan menggunakan cecair pembasmi kuman